

MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERSAHABATAN MALAYSIA CHINA

HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR, 30 April 1993

Persatuan Persahabatan Malaysia-China untuk menghadiri Majlis Jamuan Makan Malam Persatuan ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana melantik saya sebagai Pengerusi Persatuan ini.

2. Dalam menerima mengambilkira tujuan dan faedah Persatuan ini dalam perlantikan ini, saya telah konteks perhubungan Malaysia China.

3. Mengikut sejarah, gugusan pulau-pulau Melayu sudah lama mempunyai perhubungan politik dan kebudayaan dengan China. Sepanjang beberapa abad lalu, pedagang-pedagang China telah datang kepantai kita untuk berniaga. Tetapi oleh kerana musim tengkujuh ramai telah tidak pulang sementara menunggu cuaca kembali baik. Sebilangan mereka mula menjalankan perniagaan di daratan dan tidak lama kemudian ramai pula yang tinggal lebih lama dan malah ada yang menetap terus. Memandangkan tidak ada wanita di kalangan pelayar-pelayar dan pedagang-pedagang ini, ramai daripada mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan dan menerima adat resam dan bahasa ansur muncul satu kebudayaan Cina Melayu yang istimewa dan kumpulan dapat bercampur-gaul dengan baik dengan orang Melayu tempatan dan hidup aman dengan mereka.

4. Orang Melayu juga telah menerap sedikit sebanyak kebudayaan Cina Melayu ini. Kumpulan yang istimewa ini terdapat terutamanya di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang. Memandangkan jumlah mereka ini tidak begitu besar, proses penerapan ini tidak dianggap sebagai ancaman kepada orang Melayu atau kebudayaan mereka. Masyarakat Baba dan Nyonya ini juga tidak merasakan yang mereka telah melupakan identiti keCinaan mereka.

5. Kemudian datang orang British. Tidak begitu lama selepas itu mereka telah mengenalpasti masyarakat Baba dan Nyonya ini sebagai satu kumpulan yang berasingan. Mereka ini di kenali Inggeris hubungan golongan dan bahasa Melayu penjajah diri mereka Malaya. Mereka menubuhkan Straits Chinese British Association dan mengisytiharkan diri mereka sebagai King's Chinese. Jurang diantara orang Melayu dengan Baba ini menjadi semakin luas.

6. Pihak British mendapati orang Cina amat berguna untuk kegiatan-kegiatan perdagangan mereka. Berikutan itu mereka menggalakkan kemasukan beramai-ramai orang Cina dari tanah besar China ke Malaya. Pendatang-pendatang ini tidak mempunyai masa untuk menyesuaikan diri dengan orang Straits Chinese atau orang Melayu. Di samping itu, pihak British begitu aktif memisahkan kaum-kaum ini.

7. Orang Cina dan orang Melayu terpisah sama sekali dan mereka tidak mempunyai syak wasangka antara satu sama lain. Kebanyakan orang Cina benar-benar merasakan mereka adalah warganegara Malaya sementara orang Melayu merasakan mereka orang asing. Biasanya keadaan seperti ini akan mencetuskan konflik perkauman yang berterusan yang akan memusnahkan negara. Inilah yang berlaku kepada kebanyakan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

8. Tetapi Malaysia bernasib baik kerana kewarasan atau 'good sense' wujud dikalangan orang Melayu dan Cina Malaysia. di Malaysia nya, sekurang- kurangnya dalam aman damai. Konfrantasi kaum diganti dengan perdebatan- perdebatan dan perundingan perundingan yang waras. menggunakan perkauman bagi dingin. Majoriti rakyat lebih suka bekerjasama daripada mengadakan konfrantasi dan sanggup melupakan asal-usul mereka demi kepentingan negara.

9. Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita kini mengendalikan dengan sendiri dasar luar negara kita. Penduduk atau rakyat memisahkan menjadi asas utama negara lain.

10. Oleh kerana perbezaan ideologi, perhubungan di antara Malaysia dengan China adalah, buat suatu masa yang lama, tidak sebaik seperti yang sepatutnya. Tetapi sekarang keadaan sudah banyak berubah. Hari ini, perhubungan itu adalah sehabis baik lupakan dan dalam

11. yang merdeka dengan warganegaranya sendiri. Bahawa terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang mempunyai asal usul di China adalah satu peristiwa sejarah sahaja. Asal-usul mereka tidak dinafikan. Malah, asal-usul dan pertalian bahasa mereka arah bukanlah

12. Malaysia juga mengiktiraf China sebagai sebuah negara yang merdeka. Kita juga mengakui ramai penduduk Malaysia mempunyai asal-usul di China. Tetapi mereka adalah orang Malaysia dan hubungan mereka dengan China adalah berdasar kan usul dari negeri China. Sekiranya ini menyumbang kepada perhubungan dan persefahaman, ia adalah dialu- alukan.

13. Sekarang masanya sudah tiba untuk memanfaatkan sepenuhnya aspek-aspek positif dalam perhubungan di antara rakyat Malaysia dengan orang Cina dari tanah besar China. Terdapat banyak faedah yang boleh diperolehi daripada perhubungan dan persahabatan penduduk Malaysia dan China. Hari ini rakyat Malaysia sedang melabur dan membantu membangunkan China. Sebaliknya pula, China dengan penduduknya seramai 1.2 ribu juta adalah pengimport terbesar minyak kelapa sawit Malaysia. China juga melabur dan telah mencadangkan beberapa projek

14. Perhubungan ekonomi dan interaksi di antara China dengan ia akan menguntungkan kedua-dua negara. Untuk memastikan adanya lebih persefahaman antara satu sama lain dan meningkatkan lagi kerjasama di bidang-bidang lain di samping ekonomi, sebuah badan seperti Persatuan Persahabatan Malaysia China ini amatlah berguna.

15. Sebagai sebuah badan bukan Kerajaan, Persatuan ini berkedudukan baik untuk mengambil apa-apa inisiatif tanpa melibatkan kedua-dua Kerajaan. Ia tidak akan terhalang oleh kerenah birokrasi atau formaliti. Sebaliknya, jika inisiatifnya itu bertentangan dengan dasar-dasar rasmi, ia tidaklah sukar untuk ditarik balik atau diketepikan.

16. Malah ternyata ia dapat mewujudkan suasana yang sesuai bagi perdagangan. Perhubungan dan rangkaian adalah penting untuk perniagaan. Tidak ada sesuatu yang lebih penting bagi memudahkan urusan perdagangan daripada keakraban perhubungan perniagaan itu. yang tidak dikenali macam bentuk risiko.

17. Persatuan ini boleh menyediakan forum bagi individu individu di Malaysia yang berminat dengan China bertemu. Persatuan yang serupa boleh diwujudkan di China bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama untuk warga negaranya. Perhubungan dan interaksi antara kedua-dua Persatuan ini akan memberi peluang kepada peniaga-peniaga Malaysia dan China untuk berjumpa sesama mereka.

18. Di samping itu, Persatuan boleh menyediakan maklumat mengenai negara China dalam usaha meningkatkan pengetahuan rakyat Malaysia akan segala perkara yang menyentuh orang Cina. Maklumat seumpama ini bukan sahaja dapat meningkatkan persahabatan dan persefahaman, tetapi juga memudahkan urusan perniagaan dan perdagangan. Sebarang salah faham juga dapat dihapuskan atau diatasi lebih awal.

19. Daripada segi ideologi kita masih berbeza. Tetapi dasar Malaysia ialah mengenenepikan perbezaan-perbezaan ini dalam tidak ideologi kita ke negara-negara lain, kita yakin negara negara lain, termasuk China, tidak akan cuba menyebarkan ideologi mereka ke negara tidak mahu mencampuri urusan dalam negeri masing-masing. Parameter ini hendaklah difahami dan dimajukan oleh Persatuan ini.

20. Seperti orang Cina Malaysia mempunyai minat yang mendalam terhadap China, orang Melayu juga mempunyai minat yang istimewa terhadap orang Islam di China. Malah orang Melayu daripada orang Melayu di Malaysia. Terdapat satu keinginan yang boleh kedua-dua

21. Penerimaan China terhadap prinsip-prinsip hidup bersama secara aman adalah amat penting. Pertikaian boleh berlaku antara sahabat-sahabat yang paling akrab. Tetapi jika penyelesaian pertikaian didasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah di persetujui, penyelesaian akan menjadi lebih mudah. berlakunya pertikaian dengan China kerana prinsip- prinsip hubungan luar negara yang dipegang oleh negara itu.

22. Saya percaya kerjasama antara kedua- dua Kerajaan Malaysia perkembangan ekonomi kedua-dua negara. Pada masa yang sama perhubungan antara rakyat kedua-dua negara akan turut meningkat. Sama ada melalui tajaan kerajaan atau tajaan swasta, pertukaran- pertukaran lawatan akan membawa faedah kepada kedua-dua pihak. Sebagai contoh, sepanjang tahun lalu, badan-badan swasta di Malaysia telah menjemput rombongan- rombongan dari negeri dan wilayah China untuk mempelajari Malaysia pula akan mendapat faedah yang banyak daripada perkembangan-perkembangan saintifik dan teknologi China termasuk kemajuan-kemajuan dalam perubatan herba tradisional. Dengan wujudnya Persatuan ini, saya harap perhubungan tidak rasmi yang sudah wujud dalam sektor swasta akan dapat diper kukuhkan lagi untuk memupuk persahabatan dan kerjasama dengan China.

23. dan anggota-anggota jawatankuasanya atas usaha mereka menubuhkan Persatuan ini.